



BANJIR DI JOHOR

Dua jam berpaut pacuan 4 roda

ANGGOTA bomba menyelamatkan mangsa yang terperangkap dalam kereta di Batu 13, Jalan Kota Tinggi ke Mersing, semalam.

Johor Bahru

“**S**aya terpaksa berpaut pada pacuan empat roda hampir dua jam apabila kenderaan dinaiki terperangkap dalam banjir. Kejadian cemas itu tidak mungkin dilupakan sepanjang hayat,” ujar mangsa banjir, Lor Wei Keong, 43.

Menurutnya, kejadian berlaku jam 5.15 pagi semalam, ketika dia dalam perjalanan dari Johor Bahru ke Kuantan, Pahang bagi urusan kerja.

Lor yang juga jurutera berkata, dia mendapati sebahagian laluan di Batu 13, Jalan Kota Tinggi-Mersing di sini, dinaiki air susulan banjir yang berlaku.

“Saya yang memandu kenderaan pacuan empat roda mengambil keputusan meredah banjir berkenaan. Ketika itu paras banjir rendah menyebabkan saya yakin melepasi-nya.”

“Malangnya kenderaan saya terperangkap apabila paras banjir semakin tinggi selain arus deras.

“Saya membuka tingkap pintu sebelah pemandu dan cuba memanjat keluar ke bahagian bumbung pacuan empat roda. Tidak la-



MANGSA terperangkap dalam pacuan empat roda.

ma kemudian enjin kenderaan mati mengejut,” katanya.

Lor berkata, dia hanya mampu berpaut pada bahagian tingkap dan bumbung pacuan empat roda manakala tubuhnya dari paras dada ke pinggang

tenggelami banjir.

Katanya, beberapa penguna jalan raya yang prihatin dan menyedari keadaannya menghubungi bomba.

“Saya berpaut hampir dua jam pada kenderaan sebelum anggota bomba ti-



Saya membuka tingkap pintu sebelah pemandu dan cuba memanjat keluar ke bahagian bumbung pacuan empat roda. Tidak lama kemudian enjin kenderaan mati mengejut”

Lor Wei Keong

ba bagi menyelamatkan saya.

“Saya tidak tahu apa yang akan berlaku sekiranya mereka tidak datang menyelamatkan saya. Hanya tuhan mampu membalas jasa baik mereka,” katanya yang membatalkan perjalanan ke Kuantan, Pahang dan pulang ke Johor Bahru.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor berkata, mangsa diselamatkan jam 7.30 pagi oleh sepasukan anggota Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) menggunakan bot Amfibia.

“Operasi ditamatkan jam 8.30 pagi,” katanya.